

NORMA BAHARU PERLAKSANAAN IBADAT SOLAT KETIKA PANDEMIK COVID-19 DARI PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH

**NEW NORMS FOR THE EXECUTION OF PRAYER WORSHIP DURING
THE COVID-19 PANDEMIC FROM THE PERSPECTIVE OF MAQASID
SYARIAH**

Mohamad Khadafi Hj Rofie¹

Syahrina Abdullah²

Syahrul Faizaz Abdullah³

¹Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia,
(Emel: khadafi@uum.edu.my)

²Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia (UUM),Malaysia,
(Emel: syahrina@uum.edu.my)

³Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia (UUM),Malaysia,
(Emel: faizaz@uum.edu.my)

Article history

Received date : 10-12-2023

Revised date : 12-12-2023

Accepted date : 4-3-2024

Published date : 14-3-2024

To cite this document:

Rofie, M. K., Abdullah, S., & Abdullah, S. F. (2024). Norma baharu perlaksanaan ibadat solat ketika pandemik Covid-19 dari perspektif Maqasid Syariah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (61), 13 – 21.

Abstrak: Pandemik Covid-19 memberi impak terhadap aktiviti keagamaan dan kerohanian umat Islam kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan oleh pemerintah. Perlaksanaan syariat dan ibadat solat telah berubah ke arah normal baharu. Sifat Islam yang praktikal bagi setiap keadaan dapat diamalkan meskipun ketika PKP. Objektif kertas kerja ini membincangkan normal baharu dari aspek ibadah solat umat Islam ketika pandemik Covid-19. Pada peringkat awal perlaksanaan PKP, masyarakat Islam berada dalam kekeliruan dalam melaksanakan ibadah solat di masjid. Maka satu penelitian perlu dilakukan untuk menerangkan kaedah yang sesuai perlaksanaan ibadah solat berdasarkan Maqasid Syariah. Kajian ini telah menggunakan metod kualitatif analisis kandungan (content analysis) yang menggunakan kaedah intrepretasi teks bagi menjawab objektif kajian. Hasil dapatan mendapati berdasarkan fatwa pihak berautoriti, ibadat solat tidak boleh dilaksanakan di masjid, surau dan sebagainya ketika PKP namun perlu dilaksanakan di rumah. Hal ini mendekatkan masyarakat Islam untuk memahami maqasid serta kaedah syarak seperti qawaaid fiqhiah atau prinsip umum fiqh dan faktor pewartaan fatwa yang mengutamakan maslahat kesihatan serta tegas menjauhkan sebarang mudarat terhadap umat sejagat. Justeru, andai kata musibah lain muncul pada masa depan, masyarakat sudah memahami jalan penyelesaian ditentukan Islam.

Kata Kunci: Norma Baharu, Ibadat Solat, Pandemik Covid-19, Maqasid Syariah

Abstract: *The Covid-19 pandemic has an impact on the religious and spiritual activities of Muslims due to the Movement Control Order (MCO) implemented by the government. The implementation of sharia and prayer has changed towards a new normal. The practical nature of Islam for every situation can be practiced even during the PKP. The objective of this paper is to discuss the new normal from the aspect of Muslim prayer during the Covid-19 pandemic. At the initial stage of the implementation of the MCO, the Muslim community was in confusion in performing prayers in mosques. So a research needs to be done to explain the appropriate method of performing prayer based on Maqasid Syariah. This study has used the qualitative method of content analysis (content analysis) which uses the method of text interpretation to answer the objectives of the study. The findings found that based on the fatwa of the authority, prayer worship cannot be performed in mosques, suraus and so on during the MCO but must be performed at home. This brings the Muslim community closer to understanding maqasid and syaraq methods such as qawaaid fiqhiah or general principles of fiqh and the factor of publishing fatwas that prioritize health benefits and strictly avoid any harm to the universal community. Therefore, if another calamity appears in the future, the community already understands the way to solve it determined by Islam.*

Keywords: *New Norms, Prayer Worship, The Covid-19 Pandemic, Maqasid Syariah*

Pendahuluan

Novel Coronavirus 2019 mula menular di Malaysia bermula 23 Januari 2020 apabila Kementerian Kesihatan Malaysia mengesahkan kes pertama 2019-nCoV membabitkan tiga warga China yang masuk ke Malaysia melalui Johor dari Singapura. Hari demi hari virus ini merebak bukan sahaja di Malaysia malah seluruh negara di dunia. Pada 12 Februari 2020, WHO mengumumkan COVID-19 sebagai nama baharu bagi menggantikan 2019-nCoV dan mengisyiharkan ianya sebagai pandemik pada 12 Mac 2020 akibat peningkatan ketara kes di negara lain selain dari China.

Malaysia mencatatkan kes positif tertinggi di Asia Tenggara iaitu 553 kes positif dalam masa 16 hari dan ini menyebabkan Kerajaan Malaysia telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa Pertama bermula 18 Mac hingga 31 Mac 2020 bagi tujuan memutuskan rangkaian kebolehjangkitan COVID-19 dalam kalangan masyarakat. Melihat kepada trend peningkatan kes, PKP Fasa Kedua dilanjutkan pada 1 hingga 14 April diikuti Fasa Ketiga pada 15 – 28 April dan Fasa Keempat sehingga 12 Mei 2020. Seterusnya diperkenalkan pula Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan terakhirnya Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Memandangkan isu COVID-19 bersifat nasional, penjelasan tentang beberapa hukum melibatkan aktiviti sehari-hari masyarakat hendaklah dibincang dan diselaras secara kolektif dalam Jawatankuasa Muzakarah MKI dengan tidak melangkaui bidang kuasa negeri yang mengeluarkan fatwa.

Terdapat beberapa isu timbul apabila masyarakat menganggap peraturan dan garis panduan operasi (SOP) pelaksanaan syariat agama dan ibadat ketika Perintah kawalan Pergerakan menyekat mereka untuk melaksanaan ibadah. Mereka menganggap hifz al-din (menjaga agama seperti menunaikan solat berjemaah di masjid dan solat jumaat) lebih utama daripada menjaga al-nafs (nyawa). Ini menyebabkan terdapat individu yang berani melanggar peraturan yang telah dikuatkuasakan. Antaranya laporan akhbar, polis dengan kerjasama bahagian Pengukuasa Jabatan Agama Islam Perak telah menahan 10 lelaki ketika mereka sedang menunggu untuk mengerjakan solat Isyak di Masjid Sayong Tengah Perak. Dalam kejadian

berasingan Menteri Kanan Ismail Sabri Yaakob melaporkan seramai 116 jemaah ditahan kerana menunaikan sembahyang berjemaah di sebuah masjid. Selain itu terdapat lima masjid dikesan masih mengadakan solat jemaah sewaktu PKP (The Malaysian Insight, 28 Mac 2020). Selain itu terdapat individu yang mempertikaikan pelaksanaan berkaitan pelaksanaan perkahwinan secara online (Malaysia Kini 19 April 2020).

Ini menunjukkan terdapat masyarakat yang tidak memahami dalil syarak berkaitan pencegahan penularan wabak atau tidak merujuk fatwa berkaitan keringanan meninggalkan solat jemaah dan solat Jumaat di masjid atau surau bagi yang uzur. Mereka juga tidak mengetahui peranan maqasid syariah sebagai panduan agama saat berada dalam suasana darurat seperti penularan COVID-19. Timbul persoalan setakat mana kefahaman dan penerimaan masyarakat terhadap pelaksanaan syariat agama dan ibadah ketika wabak penyakit menurut Maqasid Syariah.

Hal ini mendekatkan masyarakat Islam untuk memahami maqasid serta kaedah syarak seperti qawaaid fiqhiah atau prinsip umum fiqh dan faktor pewartaan fatwa yang mengutamakan maslahat kesihatan serta tegas menjauhkan sebarang mudarat terhadap umat sejagat. Andai kata musibah lain muncul pada masa depan, kita sudah memahami jalan penyelesaian ditentukan Islam.

Dalam menjunjung titah Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Muzakarah Khas Jawatankuasa MKI Kali Pertama telah bersidang pada 15 Mac 2020 melibatkan Ahli Jawatankuasa Muzakarah yang terdiri dalam kalangan Mufti-Mufti Seluruh Malaysia, Ahli-Ahli Dilantik Majlis Raja-Raja dan turut hadir semua Ketua Jabatan dan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri Seluruh Malaysia, Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan Malaysia serta Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA). Melalui Muzakarah Khas kali pertama ini, satu resolusi melibatkan dua (2) perkara dikeluarkan iaitu:

- i. Semua aktiviti masjid dan surau termasuk solat berjemaah, solat jumaat ditangguhkan bermula 17 – 26 Mac 2020; dan
- ii. Sekiranya berlaku kematian akibat COVID-19, jenazah hendaklah diuruskan melalui prosedur tayammum hanya di atas permukaan beg jenazah atau pembalut plastik yang membalut jenazah sahaja. Dalam ketetapan hal pengurusan jenazah ini, Muzakarah merujuk kepada keputusan yang telah dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-107 mengenai hukum Pengurusan Jenazah Orang Islam Yang Disyaki atau Disahkan Dijangkiti Virus Ebola.

Justeru, satu kajian perlu dilakukan untuk menjawab permasalahan yang menjadi kebimbangan umat Islam ketika PKP dilaksanakan,

Permasalahan Kajian

Terdapat beberapa isu yang berbangkit semasa bermulanya penularan wabak Covid 19. Isu ini menjadi perbincangan dalam kalangan ilmuan dan ahli masyarakat Islam kerana ia berkait dengan urusan ibadah umat Islam. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM, 2020) telah menetapkan beberapa langkah pencegahan seperti berikut:

- Semua perhimpunan yang melibatkan orang ramai (*mass gathering*) ditangguhkan bagi mencegah kemungkinan jangkitan Covid-19 berlaku;
- Sekiranya mengalami gejala jangkitan saluran pernafasan, dinasihatkan agar tidak menghadiri program yang melibatkan orang ramai atau tempat yang padat termasuk aktiviti keagamaan;

- Individu yang bergejala dinasihatkan agar menjarakkan diri (*social distancing*) sekurang-kurangnya satu meter bila berhadapan dengan individu lain).

Justeru, persoalan yang penting dalam perlaksanaan ibadat solat ketika pandemik Covid-19 wujudnya rukhsah atau kelonggaran yang diberikan agama. Namun begitu bagaimana kefahaman dan pengetahuan masyarakat umum terhadap kelonggaran itu yang menjadi normal baharu ketika tempoh pandemik. Berdasarkan pemaslahan di atas kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kaedah pelaksanaan syariat agama dan ibadat ketika wabak penyakit yang dilaksanakan di Malaysia dan mengkaji tahap pemahaman dan penerimaan masyarakat terhadap pelaksanaan syariat agama dan ibadah ketika wabak penyakit menurut Maqasid Syariah.

Persoalan Kajian

Persoalan bagi kajian ini ialah apakah kaedah pelaksanaan solat ketika keadaan darurah menurut Maqasid Syariah?

Objektif Kajian

Secara khususnya kajian ini ialah untuk mengenalpasti jenis solat dalam keadaan darurah menurut Maqasid Syariah.

Ulasan Karya

Solat merupakan ibadah utama dalam Islam. Ia adalah amalan perantara antara hamba dengan Tuhan. Solat fardhu wajib dilaksanakan oleh setiap individu muslim yang mukalaf sama ada ketika aman atau ketika menerima musibah. Manusia tidak mampu untuk melepaskan diri daripada sebarang musibah yang telah disusun oleh Allah SWT. Antara musibah tersebut ialah wabak pandemik. Berkaitan dengan hal ini, Allah SWT telah berfirman yang bermaksud:

“Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar”.

(al-Baqarah, 2: 155)

Wabak Covid 19 merupakan satu bencana pandemik yang menimpa manusia. Apabila wabak ini berlaku, manusia berada dalam situasi yang sulit dan sukar kerana boleh membawa kepada kesakitan, kehilangan keperluan asas dan keselesaan hidup serta ancaman keselamatan. Oleh sebab solat merupakan satu kewajipan yang mesti dilakukan dalam apa jua keadaan, maka umat Islam tidak terlepas daripada melaksanakannya. Namun, Allah SWT telah memberi keringanan untuk menunaikan perlaksanaan solat dalam waktu kesulitan wabak ini sebagai penyelesaian kepada setiap kesulitan yang timbul (Abdul Karim, 2001). Hal ini jelas menunjukkan bahawa solat fardhu mesti dilaksanakan oleh setiap orang Islam dalam apa jua keadaan sekali pun mengikut suasana semasa.

Malaysia juga tidak terlepas daripada dilanda wabak Covid 19. Apabila berlakunya wabak ini semua institusi, organisasi dan ahli masyarakat terlibat. Tidak terlepas juga institusi pengurusan agama Islam sebagai penggerak, pengurus dan pengawal agama Islam di Malaysia.

Apabila berlakunya bencana wabak Covid 19 telah menyebabkan masyarakat Islam mengalami situasi yang sukar bagi melaksanakan ibadah terutamanya solat yang mesti dilaksanakan setiap

hari lima waktu. Namun, sudah pasti Islam sebagai agama yang bersifat universal dan sesuai dengan keadaan semasa mempunyai kaedah untuk dilaksanakan bagi memenuhi situasi semasa walaupun dalam keadaan yang sulit sekalipun. Justeru artikel ini akan membincangkan implikasi wabak Covid 19 terhadap polarisasi ibadah solat di Malaysia.

Ibadah Solat Fardhu

Solat diertikan dengan doa untuk ketenteraman dan kebaikan (al-Zuhaili, 1997). Solat ialah himpunan perkataan dan perbuatan yang dimulakan dengan takbir (membesarkan Allah), dan diakhiri dengan taslim (memberi salam) dengan syarat-syarat tertentu (Mustafa, 1992). Firman

Allah SWT bermaksud:

Maksudnya: “Kemudian apabila kamu telah selesai mengerjakan sembahyang, maka hendaklah kamu menyebut dan mengingati Allah semasa kamu berdiri atau duduk, dan semasa kamu berbaring. Kemudian apabila kamu telah merasa tenteram (berada dalam keadaan aman) maka dirikanlah sembahyang itu (dengan sempurna sebagaimana biasa). Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya”

(al-Nisa, 4: 103)

Sabda Nabi SAW daripada Abdullah bin Umar:

Maksudnya: “Dibina Islam atas lima perkara; penyaksian bahawa tiada tuhan yang disembah melainkan Allah, dan bahawa Muhammad itu Utusan Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat, melaksanakan haji dan berpuasa Ramadhan”.

(al-Bukhari, 1422H, Bab al-qaul nabi)

Solat lima waktu adalah fardu ain ke atas semua orang yang mukallaf iaitu syarat yang menjadikan seseorang itu wajib menunaikan solat adalah empat syarat iaitu Islam, baligh, berakal, suci daripada haid dan nifas (al-Zuhaili, 2011).

Sabda Nabi SAW :

Maksudnya: Dari Ibnu Umar ra, Rasulullah SAW telah bersabda: Aku diperintahkan untuk memerangi manusia sehingga mereka bersaksi bahwa tidak ada Tuhan selain Allah dan bahawa Muhammad adalah pesuruh Allah, mendirikan solat, mengeluarkankan zakat. Jika mereka melakukan hal tersebut, maka darah dan harta mereka akan dilindungi kecuali dengan hak Islam dan perhitungan mereka ada pada Allah Ta’ala.

(al-Bukhari, Bab Al-Tawq Al Najah, 1422H)

Rukhsah Dalam Pelaksanaan Solat Fardhu

Rukhsah dari sudut Bahasa ialah keringanan dan kemudahan (Abdul Karim, 2001). Sudut Istilah iaitu hukum yang diberikan sebab keuzuran yang berat sebagai pengecualian daripada hukum yang asal yang menyeluruh (azimah) perkara yang sempurna seperti yang dituntut oleh syara (Abd Karim Zaidan, 1987).

Justeru, Rukhsah adalah hukum-hukum pengecualian yang diberikan oleh Allah SWT disebabkan kesulitan yang ditanggung ketika menunaikan perkara wajib yang bersifat azimah. Antara contoh amalan rukhsah seperti keharusan memakan daging khinzir ketika

mana terpaksa kerana kebuluran dan ketiadan makanan. Dalam kes ini, faktor yang membenarkan perlakuan tersebut ialah wujudnya keterpaksaan, kesempitan ke atas mukalaf sedangkan hukum asalnya haram melakukan demikian.

Maqasid Syariah

Salah satu daripada maqasid syariah (tujuan undang-undang dan peraturan Allah s.w.t. ialah *hifz al-nafs* iaitu kewajipan menjaga nyawa. Oleh itu, setiap individu muslim wajib menjaga nyawa mereka daripada terdedah kepada sebarang bentuk bahaya. Hal ini bersandarkan kepada firman Allah s.w.t. dalam surah al-Baqarah, ayat 195 yang berbunyi:

وَلَا تُلْثِّلُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى النَّهْلِكَةِ {

Maksudnya: “*Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan.*”

(Al-Quran al-Karim, 1418H)

Maqasid syariah (tujuan syariat) boleh dijadikan rujukan dan amalan pencegahan apabila memahami elemen yang ditekankan dalam prinsip itu. Maqasid syariah menekankan keselamatan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Dalam situasi wabak COVID-19 memelihara nyawa (*hifz an-nafs*) amat berkait rapat antara satu sama lain (Mohamad Khadafi, Norazita Marina & Syahrina 2022).

Manakala, solat merupakan suatu kewajipan yang perlu dilaksanakan oleh setiap individu muslim yang mukallaf dalam setiap keadaan kecuali jika kehilangan akal yang waras dan kesulitan yang timbul daripadanya. Hal ini termasuklah ketika berlakunya bencana seperti gempa bumi, tanah runtuh, bangunan runtuh, kebakaran, kemalangan, banjir, ribut, wabak berjangkit (Covid-19).

Justeru sewaktu bencana berlaku solat tetap perlu dilaksanakan dalam waktunya. Berdasarkan firman Allah SWT:

إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كَتَبًاً مَوْفُوتًا

Maksudnya: *Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya..*

Dalam konteks kenegaraan, PKP dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) adalah di bawah kuasa kerajaan atau ulil amri. Islam menggesa ketaatan kepada Allah SWT dan Rasul serta ulil amri.

Ketaatan mesti ditunjukkan ketika senang dan sukar dengan syarat ulil amri tidak memerintahkan perkara terkeluar daripada batasan syarak. Ternyata perintah mengehadkan pergerakan menepati maqasid syariah (tujuan syariat) seperti memelihara nyawa sejagat.

Umat Islam perlu akur biarpun perintah ini mungkin tidak menyenangkan peribadi. Pemerintah wajib bertanggungjawab membuat sesuatu demi maslahat umum. Dengan ujian melanda, rakyat dan ulil amri terlatih untuk berdepan dan bertanggungjawab dengan amanah berat. Rakyat taat kepada pemerintah dan pemerintah pula membala dengan kebijakan saksama agar direhdai Allah SWT.

Ketaatan mesti ditunjukkan ketika senang dan sukar dengan syarat ulil amri tidak memerintahkan perkara terkeluar daripada batasan syarak. Ternyata perintah mengehadkan pergerakan menepati maqasid syariah (tujuan syariat) seperti memelihara nyawa sejagat.

Penularan COVID-19 membuka laluan kepada kesedaran Islamisasi dalam diri, keluarga dan masyarakat. Apabila keadaan pulih kelak, pengalaman berharga dapat diterapkan sesuatu dengan keanjalan risalah Islam. Apatah lagi umat Islam diharap sentiasa dapat menjana hikmah dalam setiap situasi dan bijaksana bertindak untuk kesejahteraan dunia dan akhirat.

Umat Islam perlu akur biarpun perintah ini mungkin tidak menyenangkan peribadi. Pemerintah wajib bertanggungjawab membuat sesuatu demi maslahat umum. Dengan ujian melanda, rakyat dan ulil amri terlatih untuk berdepan dan bertanggungjawab dengan amanah berat. Rakyat taat kepada pemerintah dan pemerintah pula membala dengan kebijakan saksama agar direhui Allah SWT.

Penularan COVID-19 membuka laluan kepada kesedaran Islamisasi dalam diri, keluarga dan masyarakat. Apabila keadaan pulih kelak, pengalaman berharga dapat diterapkan sesuatu dengan keanjalan risalah Islam. Apatah lagi umat Islam diharap sentiasa dapat menjana hikmah dalam setiap situasi dan bijaksana bertindak untuk kesejahteraan dunia dan akhirat.

Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif '*content analysis*' (analisis dokumen) yang menggunakan kaedah interpretasi teks bagi setiap sumber rujukan dalam menjawab objektif kajian iaitu mengenalpasti kaedah pelaksanaan ibadat ketika wabak penyakit menurut Maqasid Syariah. Melalui analisis kandungan, penyelidik telah menggunakan beberapa rujukan utama termasuk Al-Quran al-Karim untuk menjawab persoalan dan objektif kajian iaitu mengetahui jenis solat ketika pandemik Covid-19.

Dapatan dan Kesimpulan

Muzakarah MKI juga telah mengeluarkan Resolusi Dalam Talian pada 20 Mac 2020 selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 – 31 Mac 2020 diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 16 Mac 2020. Resolusi itu menyebut semua aktiviti masjid dan surau termasuk solat berjemaah, solat jumaat ditangguhkan bermula 18 - 31 Mac 2020 seiring dengan tempoh PKP yang telah diumumkan.

Melihat kepada kebarangkalian lanjutan tempoh PKP akan dilaksanakan untuk satu tempoh masa yang agak lebih lama, Muzakarah Khas MKI telah bersidang sebanyak 2 kali pada bulan April iaitu pada 9 dan 21 April 2020 melalui tele- konferen bagi membincangkan beberapa penetapan hukum dan aktiviti untuk bulan Ramadan dan Syawal yang bakal menjelang.

Melalui Resolusi Muzakarah Khas MKI Kali Ke-2, beberapa panduan dalam tempoh PKP telah diputuskan iaitu:-

- i. Kaedah Melihat Anak Bulan Ramadan, Syawal dan Zulhijjah;
- ii. Kaedah Pembayaran Zakat Fitrah; dan
- iii. Kaedah Pelaksanaan Ibadah pada Bulan Ramadan dan Solat Jumaat.

Manakala Resolusi Muzakarah Khas MKI Kali Ke-3 pula telah memutuskan beberapa perkara seperti berikut:

- i. Panduan Hukum Berkaitan Ujian Saringan dan Prosedur Rawatan Pesakit COVID-19 pada bulan Ramadan;
- ii. Kedudukan Saf Solat Jemaah ketika PKP;
- iii. Garis Panduan Sambutan Hari Raya Ketika PKP;
- iv. Garis Panduan Perkahwinan Orang Islam dalam Tempoh PKP dan Pasca PKP; dan
- v. Panduan Kaedah Pelaksanaan Ibadah dalam Bulan Ramadan sepanjang tempoh PKP.

Dalam melaksanakan kesemua ketetapan tersebut, Pihak Berkuasa Negeri telah mengambil pertimbangan dan mengeluarkan garis panduan di negeri masing-masing. Dalam kajian ini semua perkara yang disebutkan dia atas akan dianalisis dan dinilai berdasarkan perspektif maqasid syariah .

Malaysia pernah melalui beberapa tragedi dan musibah. Namun, COVID-19 bukan hanya memberi implikasi kesihatan, ekonomi serta sosial, bahkan proses perlaksanaan syariat agama dan ibadat. COVID-19 memberi impak tersendiri terhadap aktiviti keagamaan dan kerohanian umat Islam. Perlaksanaan syariat dan ibadat perlu bergerak ke arah normal baharu. Harus diingatkan umat Islam terdidik untuk terus menjayakan peribadatan dalam apa jua keadaan. Sifat Islam yang praktikal bagi setiap keadaan dapat diamalkan meskipun ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Antara hikmah COVID-19 ialah kesedaran dan kepatuhan umat Islam dapat menerapkan beberapa pendekatan dalam normal baharu dan 'fasa kembali' hasil pengalaman itu. Pada peringkat awal perlaksanaan memang tidak dapat dinafikan masyarakat Islam agak berada dalam kekeliruan.

Berdasarkan fatwa pihak berautoriti, ibadat solat dan beberapa kegiatan keagamaan tidak boleh dilaksanakan di masjid, surau dan sebagainya sejak PKP diperkenalkan. Sebagai contoh solat berjemaah tidak dibenarkan di masjid, begitu juga solat jumaat juga tidak dibolehkan dalam tempoh PKP. Namun, orang Islam tetap wajib menunaikan solat di kediaman masing-masing, selain menghadapi pengalaman baharu tidak dapat bersolat Jumaat dan berjemaah di masjid atau surau serta menghadiri kuliah ilmu.

Melalui kaedah-kaedah fiqh juga telah dinyatakan seperti sesuatu perlaksanaan daripada pemerintah terhadap rakyatnya hendaklah berdasarkan kepada kemaslahatan

تصریف الامام منوط بالصلحة

“Setiap tindakan pemimpin ke atas rakyat, berdasarkan kepada kemaslahatan.”
(al-Suyuthi, al-Asybah wa al-Nazair Lissuyuti, 121)

Kajian ini iaitu untuk mengenalpasti jenis-jenis solat ketika bencana yang berlaku di Malaysia. Ini bertujuan untuk menyingkap kesulitan yang dihadapi ketika bencana ini melanda. Begitu juga dengan kumpulan sasaran yang berada dalam suasana bencana tersebut yang terdiri daripada kumpulan penyelamat dan mangsa. Kesemua perlaksanaan dan kaedah solat ketika Covid-19 ini bersandarkan kepada pernyataan para ulama muktabar yang juga bersumberkan pada dalil al-Quran dan al-Sunnah. Namun begitu, terdapat juga pandangan yang bersandar pada pandangan jumhur ulama.

Melalui kajian ini juga di datangkan nas daripada kitab ulama yang muktabar sebagai pengukuh kepada pernyataan yang diletakkan dalam kajian. Penetapan yang dilakukan dalam kajian ini adalah mengambil kira pandangan ulama yang terbaik dan sesuai dengan keadaan masyarakat

Islam di Malaysia ini disumberkan dalilnya daripada al-Quran, al-Sunnah dan ijma ulama. Namun penetapan daripada mazhab Imam Syafie diberikan keutamaan. Jika terdapat pandangan daripada mazhab lain yang lebih sesuai digunakan mengikut situasi bencana, maka pandangan tersebut akan dijadikan tatacara perlaksanaan dan kaedah solat tersebut.

Penghargaan

Penyelidik ingin merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada pihak Universiti Utara Malaysia bagi menyediakan Geran Penjanaan Universiti (SLCP) untuk penyelidikan ini, kod S/O 14788.

Rujukan

- Al-Quran al-Karim (1418 H). Al-Quran dan Terjemahan Rasm Uthmani. Madinah al-Munawwarah: Majma' Malik al-Fahd.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail, Abu Abdullah. (1422h). Sohib al-Bukhori. Beirut: Dar Tawq al-Najah.
- Al-Suyuthi, Abd Rahman b. Abu Bakar. (1983). al-Ashabah wa al-Nazair. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah
- Al-Zuhaili, Muhammadi, (2007), al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafie, Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Al-Zuhaili, Wahbah. (1997). al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh. Damsyiq: Dar al-Fikr, <https://www.mkn.gov.my/web/ms/2020/06/12/masjid-diimarahkan-semula/>
- Abdul Karim bin Ali bin Muhammad al-Namlah (2001). *Rakhshu al-Syar'iyyah wa Istbatuha bi al-Qiyas*, Riyadh: Maktabah Rusyd.
- Abdul Karim Zaidan. (1987). Al-Wajiz fi Usul al-Feq. Beirut: Muassasah al-Risalah Kementerian Kesihatan Malaysia (2020).
- Mohamad Khadafi, Rofie, Norazita Marina, A. Aziz & Syahrina Abdullah. (2022). Isu Kontemporari Pandemik Covid-19: Aplikasi dan Penyelesaian, Sintok, UUM PRESS.
- Mustafa al-Bugho et al. (1992). al-Fiqhal-Manhaji 'Ala Mazhab al-Imamal-Shafi'i' Damsyik: Dar al-Qalam.
- [http://www.moh.gov.my/moh/press_releases/Kenyataan%20Akhbar%20DG%20COVID-19%20\(4%20MAC%202020\).](http://www.moh.gov.my/moh/press_releases/Kenyataan%20Akhbar%20DG%20COVID-19%20(4%20MAC%202020).)
- https://pku.upm.edu.my/article/coronavirus_simptom_punca_dan_rawatan-55053,27/1/2020
- <http://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/2019-ncov-wuhan-infografik>
- <http://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/2019-ncov-wuhan>
- <https://www.doctoroncall.com.my/pengenalan-coronavirus/komplikasi#show>
- <https://www.facebook.com/kementeriankesihatanmalaysia/posts/10156695650196237>